



PREESHENA...maut

TINGGI...kondominium diduduki keluarga Preeshena yang mati dirogol sebelum dicampak, Khamis lalu.



KENANGAN...baju Preeshena yang dibeli untuk menyambut Deepavali.



KOSONG...rumah tempat Preeshena dipercayai dirogol sebelum dicampak.

Baju Deepavali jadi kenangan

METRO 5-11-2007 M52

>>Oleh Mohd Nur Asnawi Daud

asnawi@hmetro.com.my

GOMBAK: "Dia anak yang paling gembira untuk menyambut Deepavali kali ini kerana sepasang baju baru untuknya sudah siap dibeli," kata bapa kepada Preeshena Varshiny, kanak-kanak malang yang dipercayai menjadi mangsa rogol dan liwat sebelum dicampak dari Kondominium Casa Mila Tower, Batu Caves di sini, Khamis lalu.

Bapa mangsa yang enggan dikenali berkata, sepasang baju Punjabi itu dibeli kepada anaknya minggu lalu untuk dipakai ketika menyambut Deepavali, Khamis ini.

"Dia sangat gembira kerana bajunya paling awal dibeli berbanding adik-beradiknya

yang lain.

"Malah, dia sempat mencuba baju berkenaan yang kelihatan cantik apabila dipakainya," katanya.

Dia turut menyatakan kekesalannya kerana meninggalkan mangsa di rumah seorang diri ketika kejadian.

Menurutnya, Preeshena, 9, hanya dibiarkan berseorangan di rumah di tingkat sembilan kurang tiga jam sehari sejak sebulan lalu sebelum dia pulang dari pejabatnya di Selayang kira-kira jam 4 petang.

"Saya juga mengaturkan perjalanan pergi dan balik Preeshena dari sekolah bagi memastikan keselamatannya, namun kesal kerana kejadian ini berlaku dalam kawasan kondominium.

"Biasanya Preeshena pulang dari sekolah jam 2 petang dan saya akan tiba di rumah dua jam kemudian dan menjem-

putnya ke rumah adik ipar di Kepong untuk mengambil adiknya," katanya.

Dia yang bekerja di sebuah syarikat keselamatan, turut kesal kerana tidak sempat memasang kamera litar tertutup (CCTV) di rumahnya.

Dalam kejadian jam 4 petang itu, mangsa ditemui mati dalam longkang oleh pengawal keselamatan kondominium berkenaan.

Preeshena ditemui berpakaian lengkap, namun tidak berseluar dalam dan polis turut menemui kunci rumah dipercayai milik mangsa di tempat kejadian.

Polis sebelum itu menyangka kes berkenaan adalah kematian biasa, namun selepas bedah siasat dilakukan mendapati kematiannya mempunyai unsur jenayah.

Penyerang dipercayai melakukan perbuatan itu di sebuah rumah kosong di ting-

kat dua kondominium sama sebelum mencampakkan mayat mangsa ke bawah.

Bedah siasat mendapati mangsa cedera teruk pada kepala, tangan kanannya patah, lebam pada dada dan belakang badan, selain kesan dirogol dan diliwat.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Mohd Abdullah, berkata polis masih mengesan penjenayah terbabit.

"Polis akan melakukan siasatan dari segenap sudut termasuk melihat CCTV di kawasan kondominium itu bagi membantu siasatan.

"Kerjasama dan maklumat orang ramai penting bagi polis mengesan penjenayah terbabit," katanya.

Mereka yang mempunyai maklumat diminta menghubungi Rakan Cop di talian 03-21159999 atau balai polis berhampiran.